

# Menerajui Hala Tuju

---

- 38 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
- 42 Struktur Organisasi
- 43 Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif KWSP
- 44 Pengurusan Kanan

“ Kawalan dalaman yang berkesan adalah dari atas dan meresap ke seluruh organisasi bagi menangani risiko yang dijangka, perubahan dalam organisasi dan pengenalan sistem dan proses baru. Ia mempunyai tanggungjawab untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan serta komitmen terhadap budaya kecemerlangan dan berintegriti tinggi. ”

**Datuk Thomas George**

*Pengerusi, Jawatankuasa Audit Lembaga*

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

*“KWSP juga telah melakar kemajuan yang ketara dengan perkhidmatan e-Caruman kerana semakin ramai majikan mengguna pakai kemudahan ini untuk menghantar butiran caruman pekerja mereka dan membuat pembayaran dalam talian.”*



**Datuk Shahril Ridza Ridzuan**  
Ketua Pegawai Eksekutif

2015 merupakan tahun yang dilatari pelbagai peristiwa, dengan isu cabaran ekonomi dan pasaran di peringkat global menguasai suasana. Rizab Persekutuan Amerika Syarikat mula mengetatkan dasar kewangannya pada Disember 2015. Sebaliknya, kadar faedah di Eropah bertukar negatif dan Bank Pusat Eropah telah memperluas serta melanjutkan dasar pelonggaran kuantitatif walaupun keadaan ekonomi mula memperlihatkan tanda perkembangan yang sederhana. Di Malaysia, cabaran ekonomi yang utama adalah menguruskan keadaan pasaran komoditi global yang jatuh menjunam dan mengheret harga minyak dan gas ke tahap terendah sejak bertahun-tahun. Kemerostan dalam keadaan ekonomi luaran ini menjadi faktor utama penyusutan nilai Ringgit.

Bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), tahun 2015 mengesahkan diversifikasi strategi pelaburan KWSP, walaupun berhadapan dengan cabaran ekonomi, prestasi kewangan terus kukuh. Seperti pelabur lain, KWSP turut menerima kesan, oleh kelembapan terutamanya pada pertengahan tahun tetapi ia tidak begitu ketara sehingga menyebabkan kemerostan terhadap asas perniagaan KWSP. Sebahagian besar daripada kekuatan teras KWSP dibina bersandarkan strateginya untuk mempelbagaikan portfolio dipelbagai kelas aset dan pasaran. Apa yang penting bagi KWSP

adalah komitmennya untuk mengisytiharkan tidak kurang daripada 2.5% dividen nominal pada setiap tahun, dan sekurang-kurangnya 2% dividen sebenar untuk purata tiga tahun berturut-turut.

Tahun ini turut menyaksikan KWSP mengetengahkan agenda keselamatan sosialnya yang akan membantu menangani isu ketidakcukupan pendapatan persaraan di kalangan ahlinya. Selain itu, Akta KWSP 1991 yang telah dipinda pada 2015 berikutan pelaksanaan Rundingan Ahli pada Mei 2015 yang mengundang penglibatan dan pendapat mereka mengenai perkara berkaitan kesejahteraan kewangan setelah bersara.

Sementara itu, usaha penting bagi menyempurnakan operasi telah dilakukan terhadap proses dalaman dan penyampaian khidmat kepada pelanggan menggunakan kemudahan e-Pengeluaran yang baharu dipertingkatkan. KWSP juga telah melakar kemajuan yang ketara dengan perkhidmatan e-Caruman kerana semakin ramai majikan mengguna pakai kemudahan ini untuk menghantar butiran caruman pekerja mereka dan membuat pembayaran dalam talian. Saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan kepada anda bahawa kesemua penambahbaikan dalam operasi ini telah menyaksikan KWSP menjulang satu lagi anugerah untuk “perkhidmatan mudah” (*hassle-free service*) pada 2015.

### PRESTASI YANG DIPACU OLEH KEMANTAPAN STRATEGI

Objektif utama pelaburan KWSP, dan sepertimana adanya selama ini, adalah untuk menjana pulangan jangka panjang yang konsisten bagi simpanan persaraan ahlinya. Namun ia merupakan suatu cabaran pada 2015 apabila pasaran global merosot dengan ketara dan ekonomi negara utama telah mengurangkan anggaran mereka dengan margin yang besar.

Dalam menjangkakan keadaan pasaran yang sukar serta bergolak, KWSP telah menyelaras strategi pelaburannya. Suku ketiga dan keempat 2015, memberikan cabaran memandangkan pasaran dan mata wang yang turun naik dengan ketara. Walau bagaimanapun, diversifikasi portfolio kekal berdaya tahan, dan mencatatkan pulangan kasar pelaburan (ROI) sebanyak 7.48% dan pendapatan pelaburan berjumlah RM44.23 bilion, melebihi pendapatan KWSP pada 2014 sebanyak 13.20%. Keadaan ini membolehkan KWSP mengisytiharkan dividen sebanyak 6.40% bagi tahun 2015.

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pelaburan global memberi ruang kepada KWSP untuk menjana pulangan daripada pasaran lain, ketika pasaran domestik menampilkan prestasi yang lebih rendah daripada jangkaan. Setakat 31 Disember 2015, pelaburan global KWSP adalah pada kadar 25% bagi kesemua aset dan menyumbang kira-kira 48% atau RM21.36 bilion daripada jumlah pendapatan kasar pada tahun yang dikaji. Pelaburan melalui pengurus luaran dalam pelbagai mandat, terutamanya pelaburan yang memerlukan kepakaran global membentuk kira-kira 14% daripada pelaburan KWSP.

Walaupun keadaan pasaran mengalami kemerosotan harga pada 2015, KWSP masih meraih manfaat daripada kedudukan awalnya yang telah bertapak kukuh dalam pasaran global di samping beberapa perkembangan ekonomi yang positif di pasaran tempatan, yang membolehkan KWSP menyempurnakan beberapa persetujuan strategik serta usaha sama yang agak besar sepanjang tahun ini bagi memperluaskan penglibatan dan meningkatkan kekayaannya. Untuk mencapai sasaran dividen sebenar sebanyak 2% melebihi inflasi, KWSP mencari peluang dalam aset lain yang dapat memberi pulangan berkait inflasi. Bagi mencapai matlamat ini, KWSP mula melabur dalam sektor logistik dan menjalin kerjasama dengan rakan globalnya untuk membangunkan sebuah hab logistik tempatan yang diunjur dapat menjana pulangan yang memuaskan untuk jangka panjang.

KWSP akan terus berusaha mendapatkan aset yang memberi pulangan mampan untuk jangka panjang. Bersandarkan pemikiran ini, sebahagian besar daripada aset pelaburan KWSP tetap berada dalam instrumen pendapatan tetap berisiko rendah yang memberi aliran pendapatan yang stabil diikuti oleh aset berkait inflasi serta ekuiti, yang mencakupi 43.79% daripada jumlah aset pelaburannya untuk menghasilkan pendapatan berjumlah RM26.01 bilion.

KWSP juga aktif mengembangkan aset Shariahnya ketika ia bersiap sedia untuk memperkenalkan akaun simpanan Shariah pada 2017. Apabila diperkenalkan, ia akan menjadi dana shariah terbesar seumpamanya dan akan mengukuhkan lagi kedudukan KWSP dan Malaysia sebagai peneraju pasaran kewangan Islam di peringkat global. Sebuah Jawatankuasa Penasihat Shariah telah ditubuhkan dan KWSP bekerja erat dengan mereka untuk memastikan pematuan yang sepenuhnya terhadap hukum Shariah.

Sebagai sebuah tabung simpanan persaraan, KWSP berkewajipan bertindak demi kepentingan jangka panjang ahli serta pihak berkepentingannya. Sejak sekian lama, KWSP merupakan pelabur yang beretika dan tidak melabur dalam perniagaan yang terlibat

*“KWSP juga aktif mengembangkan aset Shariahnya ketika ia bersiap sedia untuk memperkenalkan akaun simpanan Shariah pada 2017.”*

dalam perjudian, alkohol, arak dan pembuatan serta pengedaran senjata dan kelengkapan ketenteraan. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, KWSP telah mula menyepadukan prinsip ESG, iaitu alam sekitar, sosial dan tadbir urus korporat dalam pertimbangan pelaburannya, kerana KWSP sedar akan kekuatan kesan positifnya terhadap prestasi pelaburan KWSP.

### KECEMERLANGAN OPERASI DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Demi masa depan, KWSP akan terus melakukan pelaburan strategik untuk meningkatkan sistem dan prosesnya agar menjadi lebih pantas, lebih cekap dan dipercayai. Saya secara khususnya amat gembira dengan kemajuan yang telah ditempa oleh KWSP berkenaan kemudahan dalam taliannya, dimana ahli telah memanfaatkan penggunaan i-Akaun seperti yang dapat dilihat dengan peningkatan angka dari tahun ke tahun. Ia bukan sekadar menawarkan lebih kawalan dan kefleksibelan untuk ahli memantau akaun KWSP mereka, malah i-Akaun juga menjadi gerbang laluan KWSP untuk perkhidmatan elektronik yang lain, iaitu e-Caruman dan e-Pengeluaran.

Kadar penggunaan kemudahan e-Caruman amat menggalakkan memandangkan seramai 74.17% majikan berdaftar bersama KWSP telah memilih untuk menghantar butiran caruman pekerja mereka secara dalam talian. KWSP juga turut menggalakkan majikan untuk mengambil langkah seterusnya dan membuat bayaran melalui kemudahan dalam talian untuk menjimatkan masa dan wang mereka.

KWSP telah menempuh kemajuan yang pesat dengan kemudahan e-Pengeluaran setelah kejayaan pelancaran rintisnya pada 2013. Tahun ini juga menyaksikan penyertaan lima lagi bank, iaitu RHB Islamic Bank, Maybank, Bank Islam, OCBC Bank dan BSN, selain daripada RHB Bank pada peringkat awalnya. Diharapkan lebih banyak bank akan mengambil bahagian dalam menyediakan kemudahan e-Pengeluaran kerana ia

#### Pelaburan



*Pelaburan melalui pengurus luaran dalam pelbagai mandat, terutamanya pelaburan yang memerlukan kepakaran global membentuk kira-kira 14% daripada pelaburan KWSP.*

#### Dividen



*Untuk mencapai sasaran dividen sebenar sebanyak 2% melebihi inflasi, KWSP mencari peluang dalam aset lain yang dapat memberi pulangan berkait inflasi.*

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



bermanfaat kepada bank serta ahli KWSP dengan memudahkan permohonan pengeluaran perumahan di lakukan dalam talian. Saya berbangga kerana pencapaian ini telah membolehkan KWSP menjulang Anugerah SGAM ICT dalam kategori “Perkhidmatan Mudah”, sebagai mengiktiraf usaha KWSP untuk terus memudahkan lagi operasinya.

Tahun ini juga menjadi saksi kepada pelancaran Portal Maklumat Skim Pelaburan Ahli KWSP (SPA-KWSP) yang mengandungi senarai nama dana amanah saham dan pengurus dana yang diluluskan. Di bawah skim ini, ahli dibenar memindahkan sebahagian daripada simpanan mereka dalam Akaun 1 untuk pelaburan, dan matlamat portal ini adalah untuk menggalakkan ahli bertindak bijak dalam memilih dana amanah saham yang tepat untuk melakukan pelaburan - pada asasnya KWSP mahu agar ahlinya dapat membuat keputusan berlandaskan pengetahuan dan membuat pilihan dengan yakin.

### MENGUKUHKAN JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL

Kekuatan dan reputasi KWSP adalah berasaskan prinsip untuk menyediakan buat ahlinya pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan mereka menikmati persaraan yang selesa. Sejajar dengan hasrat ini, kami menerajui usaha untuk membantu menangani isu berkaitan ketidakcukupan simpanan persaraan. Pada April 2015, KWSP telah mencadangkan pengenalan

*“KWSP telah mencadangkan pengenalan empat penambahbaikan utama kepada skim KWSP yang sedia ada, terutamanya pengenalan pengeluaran umur 60 tahun agar selaras dengan Umur Persaraan Minimum dan memperkenalkan simpanan Shariah sebagai pilihan kepada ahli.”*

empat penambahbaikan utama kepada skim KWSP yang sedia ada, terutamanya pengenalan pengeluaran umur 60 tahun agar selaras dengan Umur Persaraan Minimum dan memperkenalkan simpanan Shariah sebagai pilihan kepada ahli.

Oleh kerana kesemua pindaan yang dicadangkan melibatkan perubahan yang agak besar terhadap polisi KWSP yang ada kini, maka pelaksanaan Rundingan Ahli telah dilancarkan sebagai langkah proaktif dalam mengundang penglibatan ahli dan mendapatkan pandangan mereka berkenaan cadangan KWSP. Selain itu, KWSP juga telah menggunakan setiap peluang yang ada untuk berunding dengan parti politik, organisasi dan persatuan wakil pekerja yang berkaitan, pihak majikan serta industri.

Langkah tersebut merupakan suatu kejayaan hebat memandangkan sejumlah 96,448 ahli telah mengambil bahagian dalam kaji selidik selama dua minggu itu,

sehingga menjadikannya perundingan awam terbesar yang pernah diadakan dalam negara. Keputusan kaji selidik mempunyai 0.35% jidar selisih dengan tahap keyakinan pada kadar 95%, yang menunjukkan keputusan tersebut secara statistiknya adalah penting dan mewakili pendapat semua ahli KWSP. Keputusan tersebut telah dikemukakan kepada Lembaga KWSP sebelum membawanya ke peringkat lebih tinggi, iaitu ke Parlimen pada bulan November untuk diluluskan.

Pada pendapat KWSP, dengan pemahaman serta penghargaan yang lebih mendalam terhadap pengurusan kewangan dan wang ringgit, ahli KWSP akan lebih diperkasa untuk membuat keputusan pelaburan dan simpanan yang tepat. Justeru itu, KWSP telah memulakan kempen celik kewangan pada 2015 untuk menggalakkan orang ramai agar mula mendapatkan asas kemahiran pengurusan wang, kerana ia penting untuk kesejahteraan persaraan mereka pada masa hadapan dan bagi mewujudkan ekonomi yang sihat.

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



*“Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) yang telah diperluas telah membantu meningkatkan celik kewangan memandangkan ahli kini boleh mendapatkan khidmat nasihat percuma yang ditawarkan berkenaan rancangan persaraan dan cara untuk mencukupkan simpanan mereka di KWSP.”*

Selanjutnya, Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) yang telah diperluas telah membantu meningkatkan celik kewangan memandangkan ahli kini boleh mendapatkan khidmat nasihat percuma yang ditawarkan berkenaan rancangan persaraan dan cara untuk mencukupkan simpanan mereka di KWSP. Berdasarkan maklum balas positif dan bilangan kehadiran yang tinggi di kaunter RAS, lima lagi unit RAS telah dibuka di cawangan KWSP Johor Bahru, Kuantan, Seberang Jaya, Kota Kinabalu dan Ipoh.

### MENGHADAPI TAHUN MENDATANG

Pemulihan dalam ekonomi negara maju terus pegun manakala, dalam pasaran baru muncul pula, harga komoditi yang rendah serta dolar AS yang terlebih nilai akan memberi tekanan kepada prospek pertumbuhan, khususnya terhadap negara pengeluar komoditi seperti Malaysia.

Dengan jangkaan keadaan ekonomi yang lemah, KWSP akan terus menguruskan portfolio pelaburannya dengan berhemat menggunakan pendekatan berasaskan risiko. Strategi kami adalah untuk mengambil risiko yang lebih kecil agar KWSP berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mengurangkan risiko ini dalam tempoh waktu lebih lama, seandainya, dan apabila berlakunya sebarang kejadian penting yang membabitkan pasaran.

Dengan menggabungkan kefleksibelan, ketangkasan dan keupayaan KWSP untuk bertindak balas secara proaktif terhadap perubahan dalam keadaan pasaran. KWSP percaya ia mampu menangani kesukaran di masa hadapan memandangkan sasarannya adalah untuk memberikan pulangan yang stabil, selepas mengambil kira inflasi.

Kami akan terus meningkatkan pengalaman pelanggannya dengan memperkenalkan kemudahan baharu dalam talian dan melancarkan lebih banyak pilihan layan diri untuk ahli dan majikan. e-Pengeluaran KWSP akan diperluas dengan merangkumkan pendidikan serta penyakit kritikal, di samping mensasarkan lebih banyak penyertaan daripada bank-bank untuk pengeluaran perumahan.

Pada masa yang sama kami terus beriltizam untuk menambah baik dan mengukuhkan kepimpinan dan tadbir urus bagi memupuk budaya korporat berlandaskan prestasi KWSP. Sebagai sebuah tabung simpanan persaraan, tadbir urus yang baik serta integriti akan terus memacu pertumbuhan KWSP. KWSP berbangga untuk menjadi salah satu agensi bereputasi tinggi dalam negara dan maklum balas positif yang diterima daripada ahli serta pihak berkepentingannya memberi motivasi kepada KWSP untuk berusaha lebih gigih demi mencapai sasaran untuk menjadi sebuah tabung persaraan bertaraf dunia.

2015 ternyata merupakan tahun yang mencabar dan justeru itu saya perlu menyampaikan penghargaan kepada semua yang telah memberikan yang terbaik dalam berhadapan dengan keadaan ini. Ucapan terima kasih yang seikhlasnya yang tujukan kepada warga kerja KWSP di atas kerja keras, dedikasi serta profesionalisme mereka. Saya bersyukur kerana mempunyai pasukan pengurusan yang mantap serta berkebolehan tinggi dan memiliki pemikiran global untuk saling bekerjasama, di samping mampu mendorong kecemerlangan prestasi. Di sini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan yang tidak ternilai daripada Pengerusi dan Lembaga KWSP di atas sokongan dan panduan mereka yang penuh strategik.

Terima kasih juga kepada rakan niaga yang telah menjalin kerjasama erat dengan KWSP, serta kepada semua majikan berdaftar yang telah menyokong inisiatif dalam talian dan mematuhi peraturan KWSP. Dan kepada ahli KWSP, anda boleh terus yakin bahawa kepentingan anda akan terus memacu strategi dan hala tuju KWSP.

**Datuk Shahril Ridza Ridzuan**  
*Ketua Pegawai Eksekutif*

## STRUKTUR ORGANISASI



## TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KWSP



**DATO' MOHD NAIM DARUWISH**

*Bahagian Operasi*

**Dato' Mohd Naim Daruwish telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) KWSP pada 4 Oktober 2014.**

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) daripada Universiti Malaya. Beliau memulakan kariernya dengan berkhidmat di Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman sebagai Majistret dan Majistret Kanan dari tahun 1985 hingga 1992.

Kerjaya beliau di KWSP bermula pada tahun 1992 sebagai Pengurus di Bahagian Pendakwaan/Litigasi dan pernah memegang pelbagai jawatan antaranya sebagai Pengurus Kanan dan Pengurus Besar di Bahagian Pendakwaan/Litigasi, Pengurus Besar Jabatan Penguatkuasaan, Pengurus Besar Kanan Jabatan Undang-Undang dan Pengurus Besar Kanan di Jabatan Caruman. Mulai Disember 2011 hingga September 2014, beliau telah dipinjamkan ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.



**DATO' MOHAMAD NASIR AB. LATIF**

*Bahagian Pelaburan*

**Dato' Mohamad Nasir Ab. Latif dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan), KWSP pada 15 April 2013.**

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) daripada Universiti Sains Malaysia dan mendapat Diploma Perakaunan dan Kewangan daripada Association of Chartered Certified Accountants pada 1996 dan Sarjana Sains dalam Analisis Pelaburan daripada University of Stirling, United Kingdom, pada 1999.

Dato' Mohamad Nasir memulakan kerjaya di KWSP pada 1982 dan telah menyandang pelbagai jawatan sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan). Ini termasuk sebagai Pegawai Penguatkuasaan Negeri (1990-1995), Pegawai Penyelidik Kanan, Pengurus dan Pengurus Kanan di Jabatan Pelaburan dan Penyelidikan Ekonomi (1995-2003) dan Pengurus Besar di Jabatan Pelaburan Ekuiti Luar Negara (Julai 2009-2013).

Beliau juga merupakan ahli Lembaga United Plantations Berhad, Plus Malaysia Berhad dan Battersea Project Company Limited.

Beliau telah dikurniakan Darjah Kebesaran Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.) pada 11 Disember 2015.



**TUNKU ALIZAKRI RAJA MUHAMMAD ALIAS**

*Bahagian Strategi*

**Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Strategi di KWSP pada 1 Januari 2014.**

Beliau memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Cornell University dan Sarjana Muda Undang-Undang dari King's College, University of London. Beliau pernah menjadi peguambela dan peguamcara di mahkamah Malaysia dan diiktiraf sebagai Peguam (Lincoln's Inn) di mahkamah England dan Wales.

Tunku Alizakri mempunyai pengalaman luas dalam perancangan strategik, komunikasi, sumber manusia dan pemasaran. Sebelum menyertai KWSP, beliau merupakan Ketua Pegawai Pemasaran dan Ketua Pegawai Operasi di ICLIF Leadership and Governance Centre. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Pengurusan Strategik di Bank Negara Malaysia, Pengarah dan Ketua Strategik dan Hal-Ehwal Korporat di DiGi Telecommunications dan Naib Presiden dan Ketua Perancangan Strategik Kumpulan Maybank.

## PENGURUSAN KANAN

### 01 / DATUK SHAHRIL RIDZA RIDZUAN (DSIS),(PJN)

*Ketua Pegawai Eksekutif*

Peranan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) adalah untuk menyelia keseluruhan operasi dan memberikan bimbingan, nasihat termasuk kepimpinan kepada pengurusan kanan untuk memastikan strategi dan polisi organisasi dapat dicapai. KPE juga akan melaksanakan pelan jangka panjang dan pendek KWSP, termasuk sebagai penghubung antara pengurusan dan Lembaga. Jabatan-jabatan yang melaporkan secara terus kepada KPE ialah Jabatan Pengurusan Risiko, Jabatan Audit Dalam, Jabatan Integriti dan Tadbir Urus, Jabatan Kewangan dan Jabatan Teknologi Maklumat.

### 02 / DATO' MOHD NAIM DARUWISH (DSIS),(DIMP),(JMW)

*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Operasi*

Bahagian Operasi menyelia portfolio perkhidmatan operasi yang luas dan fungsi sokongan yang memberi keutamaan terhadap prestasi pengurusan, penyampaian perkhidmatan yang berkesan termasuk keperluan kontraktual. Jabatan-jabatan yang diletakkan di bawah Bahagian Operasi ialah Jabatan Rangkaian Perkhidmatan, Jabatan Pendaftaran dan Operasi Sokongan, Jabatan Pengurusan Operasi Pengeluaran, Jabatan Transformasi Operasi dan Penyelarasan, Pusat Pengurusan Perhubungan, Jabatan Pematuhan Pelaburan, Jabatan Pengurusan Harta, Jabatan Undang-Undang dan Jabatan Penguatkuasaan.

### 03 / DATO' MOHAMAD NASIR BIN AB LATIF (DSIS)

*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Pelaburan*

Bahagian Pelaburan merancang dan mengemudi aktiviti pelaburan KWSP, untuk memastikan ia selaras dengan profil risiko pulangan KWSP. Bahagian ini menetapkan fokus strategik untuk menjana pendapatan dan pertumbuhan pelaburan yang mampan melalui pelaburan yang berhemah. Jabatan-jabatan di bawah bahagian ini bertanggungjawab untuk menguruskan dana meliputi pelbagai kelas aset termasuk Jabatan Penyelidikan Ekuiti, Jabatan Ekuiti Domestik, Jabatan Ekonomi dan Pasaran Modal, Jabatan Kuantitatif dan Analisa Prestasi, Jabatan Ekuiti Luar Negara, Jabatan Pasaran Modal, Jabatan Pasaran Persendirian dan Jabatan Perbendaharaan.

### 04 / TUNKU ALIZAKRI BIN RAJA MUHAMMAD ALIAS

*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Strategi*

Bagi mencapai Visi dan Misi KWSP, Bahagian Strategi KWSP perlu memastikan pelan pertengahan dan jangka panjangnya dilaksanakan, sementara mengekalkan reputasi KWSP. Di samping memastikan pelaksanaan pelan, bahagian ini juga turut diberi tanggungjawab menyelia isu-isu strategik berkaitan modal insan termasuk pembangunan bakat. Jabatan-jabatan yang di bawah bahagian strategi ini adalah seperti Jabatan Pengurusan Strategi, Jabatan Modal Insan, Jabatan Hal Ehwal Korporat dan EPF Learning Centre (ELC).

### 05 / JAMES LIM TUANG OOI (AMN)

*Ketua Jabatan Pengurusan Risiko*

Objektif strategik Jabatan Pengurusan Risiko adalah untuk menyediakan amalan pengurusan risiko yang berkesan dan teguh dalam KWSP. Ini adalah memastikan pengurusan risiko yang proaktif bagi menghadapi ketidakpastian dalam persekitaran operasi dan untuk memitigasi kesan-kesan buruk yang mungkin berlaku.

### 06 / TAMILWANAN A/L PALANIAPPAN

*Ketua Jabatan Pengurusan Harta*

Jabatan ini bertanggungjawab menyediakan persekitaran kerja yang selesa dan selamat untuk anggota dan pelanggan KWSP. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, Jabatan ini juga memastikan semua peraturan yang berkaitan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dipatuhi.

01 /



02 /



05 /



06 /



09 /



10 /



## PENGURUSAN KANAN



### 07 / CINDY TAN LER CHIN (AMN)

*Ketua Jabatan Pematuhan Pelaburan*

Jabatan ini bertanggungjawab memastikan pematuhan ke atas polisi dan garis panduan pelaburan dalaman serta pematuhan ke atas mana-mana undang-undang dan peraturan regulatori yang berkenaan bagi pelaburan domestik dan luar negara KWSP. Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan semua urusan transaksi pelaburan serta memastikan semua rekod dan laporan pelaburan adalah mematuhi polisi perakaunan KWSP. Jabatan ini adalah juga kustodian kepada 'Data Loss Protection'(DLP) dan 'Chinese Wall Policy' (CWP) untuk KWSP.

### 08 / ONG HOCK CHYE (PIK)

*Ketua Jabatan Transformasi Operasi & Penyelarasan*

Jabatan ini bertanggungjawab melaksanakan kajian, penambahbaikan berterusan dan perubahan 'breakthrough', untuk mentransformasi dan menyelaras proses operasi, bagi memenuhi keperluan dan jangkaan masa hadapan dalam persekitaran yang dinamik dan kompleks. Ia juga memacu inisiatif untuk menyemai budaya kualiti dan inovatif di kalangan staf.



### 09 / HARDIAL SINGH A/L MITT SINGH

*Ketua Jabatan Penguatkuasaan*

Jabatan ini bertanggungjawab memastikan setiap majikan yang menggajikan pekerja membayar caruman KWSP bagi pihak pekerja mereka secara teratur mengikut Akta KWSP 1991. Jabatan ini turut menjaga kepentingan ahli dengan menguruskan kes aduan secara berkesan dan menyeluruh.

### 10 / SAZALIZA BIN ZAINUDDIN

*Ketua Jabatan Audit Dalam*

Jabatan ini bertanggungjawab memberikan jaminan objektif yang bebas dan khidmat nasihat yang dirancang untuk penambahbaikan operasi KWSP melalui pendekatan yang sistematik serta berdisiplin di dalam menilai dan mempertingkatkan keberkesanan proses-proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.



### 11 / ZAINAB BINTI HAMID

*Ketua Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan*

Jabatan ini bertanggungjawab menguruskan perolehan dan perkhidmatan pentadbiran yang berkesan di KWSP.

### 12 / MOHAMAD HAFIZ BIN KASSIM

*Ketua Jabatan Pasaran Persendirian*

Jabatan ini bertujuan untuk mencari peluang pelaburan di dalam Pasaran Persendirian termasuk Pasaran Hartanah Domestik dan Global yang menepati jangkaan pulangan.

## PENGURUSAN KANAN

### 13 / ZALINAH BINTI A. HAMID

*Ketua Jabatan Ekuiti Domestik*

Fungsi utama jabatan ini adalah untuk melabur dan mengurus portfolio pelaburan domestik ekuiti berdasarkan alokasi aset serta mandat pelaburan yang ditetapkan secara berhemah, telus dan profesional bagi memperolehi pulangan pelaburan yang optimum dengan mengambilkira parameter risiko yang dibenarkan melalui pengurus portfolio dalaman dan pengurus portfolio luaran.

### 14 / ROHAYA BINTI MOHAMMAD YUSOF

*Ketua Jabatan Pasaran Modal*

Fungsi jabatan ini adalah untuk menawarkan opsyen pasaran modal yang komprehensif bertujuan untuk menambah nilai kepada pihak berkepentingan.

### 15 / KHALID BIN HARON @ SHAHRON

*Ketua Jabatan Modal Insan*

Jabatan ini bertanggungjawab menyediakan khidmat sumber manusia yang berkesan dan membangunkan modal insan yang kompeten serta menjadi rakan strategik kepada pembangunan organisasi melalui peningkatan peluang kerjaya dan keupayaan kemahiran, pengurusan bakat dan pelan penggantian berstruktur, mengawal kos sumber manusia dan mengoptimumkan tenaga kerja serta memupuk budaya berasaskan prestasi.

### 16 / NORIZAH BINTI HASSALLI (PJK)

*Ketua Jabatan Pusat Pengurusan Perhubungan*

Jabatan ini bertanggungjawab sebagai medium saluran komunikasi KWSP melalui telefon, emel, media sosial (facebook & twitter) dan faks elektronik serta memastikan pengurusan perhubungan pelanggan KWSP berada di tahap yang cemerlang di samping memantau tahap indeks kepuasan dan pengalaman pelanggan KWSP.

### 17 / AZMI BIN AWANG (AMN, ASK)

*Ketua Jabatan Caruman*

Jabatan ini bertanggungjawab dalam memastikan semua caruman diterima diresit dan dikreditkan ke dalam akaun ahli dalam tempoh masa yang ditetapkan. Jabatan ini turut menyenggara akaun ahli setiap masa.

### 18 / TENGKU ROSHANI BINTI TENGKU EMBONG

*Ketua Jabatan Pendaftaran & Operasi Sokongan*

Jabatan ini bertanggungjawab dalam urusan pendaftaran majikan & ahli serta penamaan. Di samping itu, jabatan ini juga menjalankan kerja-kerja sokongan untuk Jabatan Caruman, Jabatan Pengurusan Operasi Pengeluaran dan Cawangan Petaling Jaya dalam pengurusan rekod majikan & ahli serta kewangan.

13 /



14 /



15 /



18 /



21 /



22 /



## PENGURUSAN KANAN



15 /



16 /

### 19 / VIJAYA KUMAR A/L C. RAJARATNAM (AMN)

*Ketua EPF Learning Centre*

Pusat Pembelajaran (ELC) bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program latihan yang berkesan bagi memenuhi keperluan kompetensi profesional, fungsional dan kepimpinan untuk semua anggota. Ia juga menawarkan pembelajaran alternatif seperti Pengurusan Ilmu dan kursus i-Pembelajaran yang disokong oleh infrastruktur latihan yang komprehensif.

### 20 / NOR AZAM BIN YAHYA

*Ketua Jabatan Penyelidikan Ekuiti*

Fungsi utama jabatan adalah membuat cadangan pelaburan ke atas syarikat tersenarai dan memantau urus tadbir korporat syarikat pelaburan KWSP.



19 /



20 /

### 21 / NIK AFFENDI BIN JAAFAR (ASK)

*Ketua Jabatan Integriti & Tadbir Urus*

Fungsi dan peranan Jabatan Integriti & Tadbir Urus adalah untuk mewujudkan sistem pengurusan yang cekap, telus serta mempunyai integriti yang tinggi, mengenalpasti dan menyelesaikan isu-isu semasa yang berimpak tinggi serta melaksanakan tindakan-tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi masalah rasuah, kes tatatertib, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh perundangan dan peraturan.

### 22 / ZALIKAR BINTI YUSOFF

*Ketua Jabatan Pengurusan Operasi Pengeluaran*

Jabatan ini bertanggungjawab memastikan proses permohonan pengeluaran dibuat kepada pihak yang betul dengan mematuhi prosedur pengeluaran yang ditetapkan. Jabatan ini turut menyediakan polisi, manual operasi, arahan kerja dan garis panduan bagi semua skim pengeluaran serta melaksanakan penambahbaikan yang berterusan supaya proses pengeluaran lebih cepat dan kos efektif.

### 23 / BADRUL HISHAM BIN DAHALAN

*Ketua Jabatan Kuantitatif & Analisa Prestasi*

Bertanggungjawab ke atas strategi pelaburan tahap-tinggi (Alokasi Aset Strategik/Alokasi Aset Taktikal), penetapan bajet pelaburan dan analisa prestasi pelaburan untuk memastikan pulangan pelaburan yang optimum sejajar dengan objektif pelaburan KWSP.



23 /



24 /

### 24 / LIM TZE SEONG

*Ketua Jabatan Ekuiti Luar Negara*

Jabatan Ekuiti Luar Negara bertanggungjawab menguruskan pelaburan ekuiti luar negara melalui pengurus portfolio dalaman dan luaran dengan cara yang berhemah dan telus bertujuan untuk mengoptimumkan pulangan ke atas pelaburan. Objektif jabatan adalah untuk menjadi pengurus pelaburan ekuiti global yang terkemuka dalam industri persaraan di samping memenuhi kehendak pemegang amanah.

## PENGURUSAN KANAN

### 25 / BALQAIS YUSOFF

*Ketua Jabatan Pengurusan Strategi*

Jabatan ini bertanggungjawab dalam menjalankan kajian, khidmat nasihat serta merupakan sekretariat kepada Pengurusan Strategi KWSP. Ia juga menjalankan penyelidikan dan cadangan polisi untuk penambahbaikan Skim KWSP, memberi input pembaharuan pencen kepada kerajaan dan meningkatkan kesedaran ahli mengenai kepentingan perancangan persaraan.

### 26 / LIM CHING HUI

*Ketua Jabatan Teknologi Maklumat*

Jabatan ini bertanggungjawab sebagai pemangkin dalam mencapai kecemerlangan operasi berfokuskan pelanggan melalui pelaksanaan inisiatif berkaitan IT, perkhidmatan sokongan serta memastikan tahap kebolehgunaan dan ketersediaan sistem rangkaian dan penyelesaian persekitaran IT bagi membolehkan pengguna melaksanakan tugas dengan teratur dan efisien.

### 27 / NURHISHAM HUSSEIN

*Ketua Jabatan Ekonomi & Pasaran Modal*

Jabatan ini memantau perkembangan ekonomi di semua negara yang KWSP melabur. Ini bagi menyokong aktiviti strategi pelaburan dan pengagihan portfolio KWSP, serta membantu dalam mengenal pasti faktor-faktor risiko ekonomi.

### 28 / AZIZUL ZAINOL

*Ketua Jabatan Perbendaharaan*

Jabatan ini dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan aliran tunai harian secara optimum bagi memenuhi semua komitmen KWSP dan memaksimumkan kadar pulangan melalui pelaburan portfolio pendapatan tetap (terbitan Kerajaan dan samataraf). Selain itu, Jabatan ini bertanggungjawab menguruskan keperluan mata wang asing KWSP dan menjalankan aktiviti lindungnilai berkaitan pendedahan mata wang asing dan kadar faedah.



## PENGURUSAN KANAN

27 /



28 /



### 29/ NURINI KASSIM

*Ketua Jabatan Hal Ehwal Korporat*

Jabatan ini bertanggungjawab dalam menguruskan reputasi organisasi melalui komunikasi dalaman dan luaran yang berkesan dan strategik, dengan matlamat utama untuk memantapkan peranan KWSP sebagai organisasi keselamatan sosial.

### 30/ ZAIDATUL MAZWIN IDRUS

*Ketua Jabatan Undang-Undang*

Jabatan ini bertanggungjawab di dalam memberikan perkhidmatan perundangan dan kesetiausahaan kepada Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan, ahli atau mana-mana pihak yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan Akta KWSP 1991 dan undang-undang subsidiarinya.

31 /



32 /



### 31/ NOR AZIAN MOHD NOOR

*Ketua Jabatan Kewangan*

Jabatan ini bertanggungjawab menguruskan hal ehwal kewangan KWSP.

### 32/ MOHD RODZI ABU BAKAR

*Ketua Jabatan Rangkaian Perkhidmatan*

Jabatan ini bertanggungjawab memberikan khidmat sokongan, mengurus dan mengawasi kecekapan serta keberkesanan perkhidmatan KWSP (kaunter dan elektronik).

### 33/ JA'AFAR BIN RIHAN

*Pejabat Projek KWSP Islamik*

Pejabat Projek KWSP-Islamik bertanggungjawab memastikan kelancaran pelaksanaan inisiatif Simpanan Shariah KWSP.

Inisiatif ini membolehkan ahli KWSP memilih akaunnya diuruskan dan dilaburkan mengikut prinsip Shariah.

## ☞ PENGELUARAN MENGIKUT SKIM

TAHUN	2015		2014		2013		2012		2011		2010	
SKIM PENGELUARAN	BILANGAN	AMAUN (RM)	BILANGAN	AMAUN (RM)	BILANGAN	AMAUN (RM)	BILANGAN	AMAUN (RM)	BILANGAN	AMAUN (RM)	BILANGAN	AMAUN (RM)
55 tahun	530,459	21,400,282,188	431,639	14,090,666,522	372,349	13,232,004,148	321,747	12,191,278,123	277,040	10,231,416,460	235,931	8,516,380,059
50 tahun	148,699	4,831,008,499	140,082	3,941,562,511	133,007	3,841,209,171	130,759	3,984,531,423	130,586	3,605,903,955	123,101	3,207,134,489
Hilang Upaya	4,659	331,060,249	4,447	275,351,499	4,768	280,056,622	5,198	279,008,466	6,658	325,836,978	6,456	289,975,732
Meninggalkan Negara	3,833	377,363,471	3,098	303,592,892	2,824	241,303,564	2,903	230,796,636	2,690	189,841,619	2,564	185,954,741
Beli Rumah Pertama	89,071	2,108,847,723	85,704	1,930,598,080	86,565	1,876,999,217	88,995	1,777,426,640	92,077	1,698,964,207	98,662	1,637,081,199
Beli Rumah Kedua	6,483	287,952,489	6,361	268,710,339	6,589	277,149,934	6,703	268,742,147	6,441	239,397,553	7,352	259,468,564
Ansuran Bulanan Pinjaman Perumahan	1,551,508	1,375,789,117	1,381,043	1,148,654,580	1,228,978	995,167,116	1,112,140	879,631,125	1,076,388	815,023,159	1,147,027	804,913,189
Mengurangkan/ Menyelesaikan Baki Pinjaman Perumahan	164,033	2,212,036,347	157,685	1,751,784,336	166,111	1,808,422,921	168,601	1,761,822,574	169,029	1,596,138,494	169,148	1,608,450,188
Kesihatan	5,692	51,766,353	4,969	46,057,154	4,713	43,125,986	4,393	38,848,087	4,458	39,392,342	4,310	35,343,178
Kematian	52,127	1,233,878,032	49,745	1,089,049,474	43,868	894,213,257	42,326	796,881,912	41,125	731,452,218	41,027	660,860,618
Bayaran Berkala	1,745	3,586,456	1,980	4,231,130	2,203	4,716,230	2,389	5,338,354	3,855	9,342,899	5,785	13,309,640
Skim Pelaburan Ahli	602,262	5,855,745,390	443,729	4,859,472,682	976,917	7,845,395,089	836,488	6,642,042,038	768,793	6,600,300,383	506,950	4,415,590,624
Pekerja Berpencen/ Pesara Pilihan	48,688	1,972,703,781	68,048	2,520,563,342	83,480	2,828,461,698	97,457	3,139,899,695	93,174	3,029,359,627	92,180	4,009,783,009
Pendidikan	65,787	578,180,407	59,897	372,937,758	56,786	338,140,175	61,823	301,039,294	62,537	277,970,197	59,886	269,866,931
Skim Bayaran Bulanan	104	116,982	100	120,276	110	124,691	109	127,577	122	134,273	129	127,310
Pengeluaran Melebihi RM1 Juta	5,471	1,390,499,668	3,874	999,278,093	3,214	814,566,007	2,529	657,344,224	1,875	481,966,931	1,466	362,428,379
Mengerjakan haji	390	1,044,974	367	947,163	635	1,647,991						
<b>JUMLAH</b>	<b>3,281,011</b>	<b>44,011,862,126</b>	<b>2,842,768</b>	<b>33,603,577,831</b>	<b>3,173,117</b>	<b>35,322,703,817</b>	<b>2,884,560</b>	<b>32,954,758,315</b>	<b>2,736,848</b>	<b>29,872,441,295</b>	<b>2,501,974</b>	<b>26,276,667,850</b>
Dividen Tahunan*	1,971	39,595,874	1,596	30,135,786	1,652	30,020,258	1,719	30,230,311	1,799	30,449,675	1,857	30,928,435
i) Faedah Tambahan Kematian	17,201	43,007,028	16,910	42,276,000	14,973	37,431,000	14,903	37,258,500	15,120	37,797,000	15,298	38,243,000
ii) Faedah Tambahan Hilang Upaya	771	3,857,000	693	3,465,000	799	3,995,000	977	4,885,000	944	4,720,000	958	4,790,000
<b>JUMLAH (i dan ii)</b>	<b>17,972</b>	<b>46,864,028</b>	<b>17,603</b>	<b>45,741,000</b>	<b>15,772</b>	<b>41,426,000</b>	<b>15,880</b>	<b>42,143,500</b>	<b>16,064</b>	<b>42,517,000</b>	<b>16,256</b>	<b>43,033,000</b>

\* Pengeluaran dividen tahunan 2014 diselaraskan kepada belanja dividen tahun semasa